

UCAPAN Y.A.B. DATUK HUSSEIN ONN,
PERDANA MENTERI, DI UPACARA
PELANCARAN RASMI MAJLIS PENASIHAT
KEBANGSAAN BERKENAAN KEBUDAYAAN
DI BALAI SEMINAR, DEWAN BAHASA
DAN PUSTAKA, PADA 3HB JUN, 1976,
JAM 9.30 PAGI.

A.

Saudara Pengerusi Majlis, || Y.B. Datuk Ali
Haji Ahmad,

Y.B. Menteri-Menteri,

Ahli-Ahli Majlis dan

Dhif-dhif kehormat sekalian.

Saya bersyukur ke hadzrat Tuhan Rabbul'Alamin, yang telah memberikan kita taufik dan hidayatNya, menghimpunkan kita bersama di dalam Majlis ini. Demikian juga, saya berterimakasih kerana berpeluang memberikan sepatah dua kata, untuk meresmikan pelancaran Majlis Penasihat Kebangsaan Berkenaan Kebudayaan. Saya mengambil kesempatan ini juga, untuk mengalu-alukan

ahli-ahli Majlis yang telah dilantik, dan seterusnya kepada para jemputan yang telah dapat melapangkan masa hadir bersama-sama pada pagi ini.

2. Penubuhan Majlis Penasihat

Kebangsaan Berkenaan Kebudayaan di negara ini, dirasakan amat sesuai dan tepat, dalam usaha kita melaksanakan cita-cita mewujudkan kebudayaan kebangsaan yang konsepnya, telah diterima dan ditetapkan oleh Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971, yang lalu. Sesungguhnya, konsep kebudayaan kebangsaan yang mempunyai prinsip tertentu itu, akan menjadi asas perpaduan rakyat yang

berbilang kaum, yang menuju kepada pembentukan satu rupa bangsa Malaysia yang bersatu.

Prinsip Kebudayaan Kebangsaan yang telah diterima itu, mempunyai rasionalnya yang tersendiri. Dari hakikat ini akan jelas bahawa, sejarah masyarakat dan kebudayaan Asia Tenggara dapat menggambarkan perkembangan, pertumbuhan, pembaharuan dan penyesuaian, yang menunjukkan satu sifat dinamik ^{dan} ~~yang~~ cemerlang. Oleh itu, saya yakin, kita tidak ragu-ragu lagi bahawa satu kebudayaan kebangsaan Malaysia memang dapat dibentuk dan diperkembangkan, untuk diterima oleh seluruh rakyat di negara kita ini.

Saudara-saudara,

3. Prinsip yang telah diterima sebagai dasar kebudayaan kebangsaan itu, mempunyai implikasinya yang tersendiri, kerana kebudayaan yang dicita-citakan wujud kelak, bukanlah kebudayaan yang berbentuk sukuan atau kaum. Tetapi ia akan merupakan kebudayaan rakyat negara, yang merangkumi unsur-unsur budaya tradisional rakyat asal, menerusi hasil-hasil ciptaan nasional dalam bidang-bidang kesenian, falsafah, pemikiran, manifestasi, nilai pengetahuan, etik dan estetika, bahasa dan kesusasteraan, nilai-nilai sosio ekonomi, sejarah, kesenian, kepercayaan, moral, undang-undang dan cara-cara hidup masyarakat Malaysia.

4. Sekiranya kita memahami ilmiah kebudayaan, barangkali saudara di sini, lebih-lebih lagi dari golongan akademik, akan lebih menyedari, bahawa kebudayaan yang berkembang zaman berzaman di rantau ini, ialah kebudayaan rakyat asalnya, dan kebudayaan rakyat negara kita pula adalah menjadi sebahagian dari seluruh perkembangan sosio-budaya Alam Melayu. Perubahan dan perkembangan kemasyarakatan di daerah rantau ini, telah diterima dan diubahsuai, melalui proses gabungan sosio-budaya dalam peringkat pensejarahan yang telah kita lalui.

5. Hakikat mewujudkan kebudayaan kebangsaan itu, pada pendapat saya, sememangnya dapat diterima oleh seluruh rakyat oleh kerana cita-citanya sama sekali tidak lari dari tujuan pembenaan negara kita, sejajar dengan semangat Rukunegara. Saya sedar memang banyak ciri-ciri yang sesuai dan wajar, yang terdapat dalam kehidupan masyarakat berbilang bangsa di negara kita ini, yang harus dapat dikaji, ditimbang, diterima dan dibuat pemilihan, supaya kesempurnaan, keindahan dan pencapaian mutu yang tinggi, dapat dikemukakan sebagai ciri-ciri kebangsaan, supaya wujudnya kebudayaan

kebangsaan itu akan dapat menunjukkan, di antara lainnya, simbol dan ekspresi nasional, institusi kebangsaan, semangat dan reaksi oleh semua kaum di negara kita ini.

Saudara-saudara,

6. Pada pandangan saya, penubuhan Majlis Penasihat Kebangsaan Berkenaan Kebudayaan yang diresmikan ini, dengan ahlinya yang terdiri daripada golongan pakar dari berbagai bidang, serta ahli yang berpengalaman cergas dan berminat dalam hal kebudayaan, diharap akan memberikan sumbangan besar kepada Majlis dalam menjalankan tugas-tugasnya.

Dengan nasihat mereka, natijah yang berguna dan keputusan yang sebaik-baiknya, dapat dibuat semasa kita melaksanakan polisi kebudayaan negara kita itu.

7. Saya juga merasai bahawa dasar kebudayaan kebangsaan kita, perlu dilihat di dalam konteks kebudayaan serta implikasinya yang amat luas itu. Pada hakikatnya, ia merangkumi keseluruhan kompleks cara kehidupan kita dan perkembangan kemanusiaan sendiri. Saya harap peranan perancangan dan pelaksanaannya juga, mestilah dijalankan dengan cara yang flexible, tetapi menepati dasar kita. Beberapa bidang kebudayaan yang

penting, seperti proses pemasyarakatan (socialisation), kebudayaan yang dilaksanakan melalui pendidikan dan pelajaran, proses pembangunan masyarakat, perpaduan negara, kepercayaan, perhubungan melalui mass-media dan juga moral, adat istiadat dan lain-lain aspek, merupakan bidang-bidang yang perlu dititikberatkan oleh semua pihak.

8. Besungguhnya, peranan ini adalah termasuk di dalam perancangan dan pelaksanaan Kerajaan kita, di bawah ajensi-ajensinya yang tertentu. Sebagai contoh, hal ehwal pelajaran telah diberikan kepada satu badan yang khusus mengenainya. Begitu juga mengenai

hal ehwal ugama dan kepercayaan, telah diserahkan kepada badan yang tertentu pula. Demikian juga soal-soal mengenai pembangunan tanah, perancangan ekonomi am, perusahaan tangan, perusahaan moden atau sebagainya. Dalam konteks ini, amat perlu sekali pengalaman yang benar-benar, bukan sahaja terhadap konsep dan polisi kebudayaan itu, tetapi juga tentang bagaimana kerjasama dapat diadakan diantara semua peringkat, golongan dan institusi yang terdapat di tanahair kita. Saudara-saudara sekalian,

9. Kebudayaan, pada hemat saya, tidak boleh dipisahkan dari segala aspek hidup yang

melibatkan perhubungan antara pengetahuan dan kebudayaan, dan aspek yang menghubungkan kebudayaan itu dengan kehidupan rakyat negara kita ini. Hubungan dengan pengetahuan sangat penting, dalam usaha memperkuatkan asas-asas yang kukuh terhadap nilai kebudayaan, serta pendedahan bahan-bahan mengenai kebudayaan negara kita sendiri.

Oleh kerana itu, saya tidak menafikan bahawa, dalam usaha ke arah pencapaian tujuan negara, kerjasama rapat diantara institusi terpenting, seperti diantara agensi Kerajaan, pusat-pusat pengajian tinggi, tokoh-tokoh kebudayaan dan lain-lainnya, haruslah dipereratkan.

10. Dalam soal pemasyarakatan pula, samada menerusi secara formal atau tidak, memanglah dapat mengwujudkan kejiwaan yang sama di kalangan rakyat terhadap negara, sekiranya penekanan yang khusus diberikan. Sebab itulah, pelaksanaan Dasar Pelajaran sejak tahun 1970, tidak syak lagi akan memperdekatkan bidang sosial antara kaum di negara ini, menerusi bahasa dan sistem pendidikan yang bersatu. Sebagai bangsa Malaysia, kita sememangnya sudah mempunyai beberapa ciri-ciri yang sama, dari segi konsep, termasuklah mempunyai sistem politik, ekonomi, pemerintahan dan pentadbiran yang sama,

Perlembagaan, bahasa, dan falsafah negara menerusi Rukunegara yang menggambarkan keperibadian kita. Demikian pula, dengan pergolakan manusia hari ini, dan dengan adanya hubungan-hubungan luar menerusi berbagai-bagai kemudahan moden, berbagai-bagai pengaruh terhadap kebudayaan sebagai satu cara hidup masyarakat kita, telah diterima atau diubahsuai.

11. Pengaruh-pengaruh individu, hipism, dadah, keruntuhan moral dan lain-lainnya itu, merupakan unsur yang boleh meruntuhkan nilai-nilai masyarakat seperti kerjasama, gotong royong, rasa persaudaraan dan lain-lain, yang menggambarkan ketinggian ^{pera-daban} peradaban kita yang

di-jelma-kan
dijelmakan oleh berbagai-bagai institusi masyarakat kita. Oleh kerana itu, saya rasa usaha bersama, secara kerjasama diantara organisasi pemerintah dan badan-badan tertentu, mestilah diperkuatkan supaya cita-cita pembangunan dan pembenaan negara kita, akan dapat dilaksanakan, tanpa merosakkan nilai kebudayaan kita itu.

12. Penubuhan Majlis ini merupakan hasil daripada cita-cita untuk melaksanakan dasar kebudayaan, yang akan dapat pula menjadi badan yang menasihati terhadap polisi kebudayaan, dengan dianggotai oleh ahli-ahli dari semua bidang. ~~Majlis ini~~, Oleh hal yang demikian, *majlis ini*
/ diharapkan akan dapat membincangkan perkara-perkara

yang berhubung dengan pelaksanaan polisi itu, serta membincangkan perkara yang berhubung dengan kebudayaan amnya, di samping mengesyorkan cara yang sebaik-baiknya berhubung dengan penyertaan semua kaum dalam pelaksanaannya.

Pada anggapan saya, tugas Majlis ~~yang~~ ini amatlah penting dalam memberikan fikiran, pandangan, nasihat dan syor mengenai kebudayaan *itu*.
~~ini~~.

13. Dalam Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971 yang lalu, masaalah besar yang dihadapi, sebagaimana yang ^{di-saran-kan} disarankan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak ialah, usaha memenuhi 'cultural nasionalism' atau nasionalisma kebudayaan, yakni menyediakan tapak yang kukuh dan sesuai

untuk membentuk kebudayaan bagi diwariskan kepada generasi yang akan datang. Saya sukacita, pada hari ini, tapak itu telahpun kita sediakan. Yang tinggal ialah bagaimana kita ^{hendak} ~~mahu~~ membina dan membentuk kebudayaan itu, sesuai dengan hasrat dan cita-cita negara Malaysia yang kita cintai, yakni atas panduan cita-cita membentuk negara yang bersatu-padu dan mengikat rakyat dari berbagai kaum ke dalam satu ikatan yang amat padu. Kesedaran dan keinsafan kita tentang hakikat ini, akan memberikan peluang kejayaan yang lebih besar melahirkan bangsa Malaysia yang bersatu.

14. Saya ingin juga menyentuh bahawa pelaksanaan dasar kebudayaan itu, haruslah

meliputi cita-cita dan kehendak kemasyarakatan masa depan, yang tidak boleh tidak, mempunyai kaitan yang rapat dengan pertumbuhan sosio-ekonomi dan politik negara kita. Ini bermakna, pelaksanaannya akan merupakan perimbangan antara pembangunan fizikal (physical development) dan pembangunan kerohanian (spiritual development), yang menentukan masaalah kejayaan rakyat, perpaduan dan identiti negara, dapat dicapai menerusinya.

15. Mata alamat kemasyarakatan itu, bukan semata-mata untuk cita-cita pembangunan negara secara fizikal, bahkan dalam usaha-usaha meninggikan taraf hidup rakyat dengan mengurangkan jurang kemiskinan atau tujuan-tujuan penyusunan

semula masyarakat kita. Yang penting juga ialah aspek spiritual atau kerohanian, yang menimbulkan nilai-nilai positif bersama, mesti diseimbangkan dengan nilai-nilai pembangunan ini. Dalam hubungan seumpama inilah perlunya setiap perancangan itu melibatkan, bukan saja bidang-bidang pencapaian kesejahteraan socio-ekonomi, tetapi juga kejiwaan manusia. Ini bermakna bahawa perancangan hendaklah membendung manusia dengan kebudayaan dan kemanusiaannya. Banyak saluran yang dapat dilakukan dalam usaha-usaha kita membangun dan membena negara kita, samada menerusi kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan, bahkan

pihak swasta juga.

Saudara-saudara sekalian.

16. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, Allahyarham Tun Razak, bukan saja sangat mengambil berat terhadap perkembangan kebudayaan negara, bahkan pada masa beliaulah, dasar kebudayaan negara ini telah ditetapkan, sehinggakan kita kini sudah mempunyai tapak yang kukuh itu. Kerajaan juga sedang menimbangkan cadangan daripada Kementerian Kebudayaan supaya Kompleks Kebudayaan Kebangsaan yang dirancangkan penubuhannya itu, akan dilaksanakan sempena memperingkati, megenangi jasa bakti dan cita-cita Allahyarham Tun Razak dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan kita. Begitu juga dengan penubuhan

Akademi Seni yang juga dicadangkan dalam Kongres Kebudayaan Kebangsaan. Sungguhpun begitu, sekiranya langkah-langkah dapat dibuat bagi mengisi konsep penubuhan Akademi itu, usaha tersebut bolehlah diisi dan dilaksanakan daripada sekarang. Kerjasama yang telah saya sebutkan tadi, *ter-utama-nya* terutamanya melalui pusat-pusat pengajian tinggi yang mempunyai kemudahan-kemudahan, dapat membantu menghasilkan cita-cita itu.

17. Saya sukacita mendapat tahu, dari segi konsepnya, Kompleks Kebudayaan Kebangsaan itu telahpun dijalankan oleh Kementerian berkenaan di Taman Budaya, meskipun dengan menggunakan

satu bangunan yang tidak cukup besar bagi mengisi segala kemudahan yang diperlukan. Kerajaan sedar bahawa untuk merancang dan melaksanakan projek yang lebih berkesan, pembenaan satu Kompleks Kebudayaan Kebangsaan, amatlah penting, di mana ianya juga akan menjadi lambang dan pusat kebudayaan di seluruh negara. Tetapi disebabkan masalah kewangan akibat inflasi dan stagflasi, pembinaannya ditangguhkan di bawah Rancangan Malaysia Kedua yang lalu. Saya sedar bahawa peranan Kompleks serupa ini, bukan sahaja sebagai tempat untuk menampung segala hasil seni dan menifestasi kebudayaan, pusat segala aktiviti kebudayaan, tempat menyatupadukan tradisi rakyat, kepentingan latihan, bengkel, bahkan sepenuhnya akan dapat

memupuk dan menyemai rasa kasih dan bangga, terhadap kebudayaan negara oleh semua lapisan rakyat yang ada di negara kita ini, menerusi pelaksanaan kebudayaan kebangsaan.

Saudara-saudara sekalian,



18. Sebagai penutup, saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan adalah memandang berat kepada masalah perkembangan kebudayaan. Saya penuh yakin bahawa Majlis Penasihat Kebangsaan Berkenaan Kebudayaan, akan dapat memberikan garis-garis panduan kepada saya dan rakan-rakan saya, mengenai perkembangan kebudayaan dan masalah-masalah kebudayaan negara kita, untuk membolehkan penyusunan langkah yang diperlukan di dalam proses perancangan dan pelaksanaannya.

19. Sebarang langkah positif, pada anggapan Kerajaan, akan dapat memperteguhkan lagi rasa tanggungjawab rakyat terhadap kebudayaan kebangsaan, yang diharap akan dapat menimbulkan berbagai bentuk sumbangan terhadap perkembangannya. Lebih-lebih lagi, Majlis ini sendiri adalah menitikberatkan prinsip-prinsip penglibatan perwakilan rakyat beserta Kerajaan, di dalam usaha-usaha pelaksanaan polisi kebudayaan kebangsaan.

20. Dengan pesanan dan harapan ini, saya dengan amat sukacitanya meresmikan dan melancarkan Majlis Penasihat Kebangsaan Berkenaan Kebudayaan, dan berdoa semoga majlis ini akan

menjalankan tugasnya dengan sempurna dan mencapai kejayaan sepenuhnya.

Terimakasih.



BERKHIDMATAN
ARIF BUDANA MENTERI



005-1878

**PERKHIDMATAN
ARKIB PERDANA MENTERI**



No. Siri	193
No Penerimaan	10/78

26/7 JUL 1978